

## SUMBANGAN DATO' DR. HARON DIN TERHADAP PENGHAYATAN AL-QURAN

THE CONTRIBUTION OF DATO' DR. HARON DIN IN APPRECIATION OF THE  
QURAN

**Muhammad Yusry Affandy Md Isa**

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Bandar Baru  
Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.  
Email: [yusry\\_affandy@usim.edu.my](mailto:yusry_affandy@usim.edu.my)

### ABSTRAK

Dato' Dr. Haron Din (1941-2016) merupakan sebahagian daripada ulama tanah air yang banyak menyumbang jasa terhadap komuniti Muslim di Malaysia. Beliau diiktiraf ramai pihak termasuk kerajaan sebagai tokoh yang berpengaruh. Kajian kualitatif ini berobjektif untuk menganalisis ketokohan Dato' Dr. Haron Din dalam menyampaikan mesej dan gerak kerja dakwah dalam konteks menyebarkan penghayatan al-Quran. Kajian ini penting dalam memfokuskan sumbangan beliau dalam lapangan al-Quran dapat dicontohi setelah ketiadaannya. Di samping itu, kajian ini membuktikan beliau berkomitmen tinggi dalam menyampaikan risalah al-Quran untuk dihayati dalam kehidupan Muslim. Kaedah kajian ini mengaplikasikan kaedah induktif bagi mendapatkan fakta-fakta biografi dan sumbangan Dato' Dr. Haron Din. Kaedah deskriptif pula dijalankan bagi menganalisis dan menghuraikan aspek-aspek ketokohan dan fakta-fakta sumbangan. Dapatan kajian telah menunjukkan Dato' Dr. Haron Din telah menyumbang terhadap penghayatan al-Quran menerusi aktiviti penyampaian ilmu, penubuhan Darussyifa', ketokohan sebagai pimpinan PAS dan khidmat negara seperti panel penasihat dan Ketua Kluster Dakwah Majlis Perundingan Islam Kebangsaan. Dalam setiap penglibatannya, dakwah terhadap al-Quran sering ditekankan hasil daripada pemahamannya yang tinggi terhadap al-Quran dan pengajian Syariah yang dikuasainya.

**Kata kunci:** Sumbangan, Haron Din, penghayatan, al-Quran.

### ABSTRACT

Dato' Dr. Haron Din (1941-2016) is part of the country's scholars who has contributed a lot to the Muslim community in Malaysia. He is recognised by many parties including the government as an influential figure. This qualitative study aims to analyse the stature of Dato' Dr. Haron Din in conveying the message and work of *da'wah* in the context of spreading the appreciation of the Quran. This significance of this study is the focus on his contribution to the field of the Quran that can be emulated after his absence. Besides, this study proves that he is highly committed to

delivering the Qur'anic pamphlets to be lived in Muslim life. This research method applies inductive methods to obtain biographical facts and contributions of Dato' Dr. Haron Din. Descriptive methods are carried out to analyse and describe the aspects of character and contribution of facts. The findings of the study have shown Haron Din has contributed to the appreciation of the Quran through knowledge sharing activities, the establishment of Darussyifa', his prominence as a PAS leader and national services such as the advisory panel and the head of the Dakwah Cluster of Majlis Perundingan Islam Kebangsaan. In each of his involvement, *da'wah* to the Quran is often emphasised as a result of his high understanding of the Quran and the Sharia studies.

**Keywords:** Contribution, Haron Din, Appreciation, Quran.

## 1. PENDAHULUAN

Kajian kualitatif ini berobjektif untuk menganalisis ketokohan Dato' Dr. Haron Din dalam menyampaikan mesej dan gerak kerja dakwah dalam konteks menyebarkan penghayatan al-Quran. Dato' Dr. Haron bin Din<sup>1</sup> (1940-2016) adalah seorang tokoh ulama yang banyak menyumbang jasa dalam perkembangan Islam khususnya dalam memupuk penghayatan terhadap al-Quran di Malaysia. Penglibatan sebagai pensyarah, pendakwah, ahli politik dan ahli perubatan Islam menyebabkan beliau amat dekat dan disegani masyarakat. Beliau sering digelar ustaz, Dr., Dato' atau Tuan Guru Haron Din.

Artikel ini dilaksanakan dengan menggunakan kaedah induktif bagi mendapatkan fakta-fakta biografi dan sumbangan Dato' Dr. Haron Din. Kaedah deskriptif pula dijalankan bagi menganalisis dan menghuraikan aspek-aspek ketokohan dan fakta-fakta sumbangan. Keseluruhan fakta diperolehi daripada sumber primer yang terdiri daripada buku-buku peninggalan Haron Din, laman sesawang Darussyifa' dan sumber sekunder seperti jurnal yang diperolehi dari sumber perpustakaan.

Haron Din dilahirkan pada hari Ahad, 18 Ogos 1940 bersamaan 14 Rajab 1359 di Bohor Mali, Kangar, Perlis.<sup>2</sup> Beliau menetap di Bandar Baru Bangi semenjak berkhidmat sebagai pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau sering berulang ke kediamannya di Simpang Empat, Perlis untuk urusan dakwah dan politik. Kegigihan beliau begitu terserlah kerana tidak pernah mengenal penat dan lelah. Aktiviti ini hanya terhenti seketika apabila beliau sakit. Beliau menghadapi sakit jantung dan lazimnya terpaksa berehat dalam tempoh tertentu untuk proses rawatan, Tatkala sihat, Haron Din sentiasa memberi komitmen terhadap aktiviti ceramah, seminar, rawatan perubatan Islam dan mesyuarat anjuran pelbagai pihak. Haron Din meninggal dunia pada 16 September 2016 sewaktu mendapatkan rawatan jantung di Hospital Universiti

---

<sup>1</sup> Selepas ini disingkat sebagai Haron Din.

<sup>2</sup> Haron Din, Dato' Dr. (2017, Jun 12). *Biodata Tuan Guru Dato' Dr. Haron Din*. Darussyifa. <https://www.darussyifa.org/?p=355>. Diperolehi pada 3 April 2020.

Stanford di San Francisco, California, Amerika Syarikat dan telah dikebumikan di perkuburan Muslim di Livermore, California.<sup>3</sup>

Ucapan dan tulisan Haron Din sering menyentuh aspek penghayatan al-Quran. Beliau tidak mengabaikan pendalilan al-Quran dan selalu mengajak masyarakat Muslim untuk menjadikan al-Quran sebagai rujukan dalam kehidupan. Menyedari keistimewaan ini, Perikatan Gabungan Badan-badan Islam Bukan Kerajaan (ACCIN) dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia pernah menganjur *Seminar Pemikiran Tokoh: Haron Din* pada 25 Februari 2017. Seminar yang berlangsung di Pusat Islam ini menentang ucapan oleh Dr. Huda bt. Haron Din dan beberapa tokoh yang berpengalaman dalam berinteraksi dengan beliau.

## 2. LATAR BELAKANG PENGAJIAN

Haron Din adalah anak yang ketiga daripada 10 orang adik beradik. Anak kelahiran Perlis ini mendapat pendidikan awal daripada ayahandanya Lebai Din. Ayahandanya ialah seorang guru agama, ahli silat dan ahli perawat Islam. Beliau mendapat jolokan *Lebai* lantaran memiliki pegangan agama yang kuat lagi berpengaruh di kampung. Dalam keadaan Lebai Din mengajar agama dan al-Quran kepada anak-anak, beliau hanya menurunkan ilmu perubatan Islam kepada seorang anaknya sahaja iaitu Haron Din. Lebai Din mengijazahkan ilmu dan memberikan buku catatan pengubatan.<sup>4</sup>

Haron Din belajar peringkat sekolah menengah di Madrasah al-Islahiah al-Wataniah, Bohor Mali, Perlis. Seterusnya menyambung pelajaran ke Madrasah al-'Alawiyah al-Diniah dan al-Kuliah al-Islamiah, Klang, Selangor. Setelah tamat pengajian sekolah menengah, beliau kemudiannya menuntut ilmu di Kolej Islam Malaya dari tahun 1962 hingga 1965. Haron Din berjaya memperolehi Sijil Tertinggi Kolej dengan keputusan cemerlang dan melayakkannya memperolehi hadiah Biasiswa Persekutuan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana di Universiti Al-Azhar, Mesir. Beliau mula berkelana ke perantauan pada tahun 1966. Pada tahun 1968, Haron Din berjaya memperolehi dua ijazah serentak iaitu Ijazah Sarjana Syariah daripada Universiti Al-Azhar dan Diploma Pendidikan dari 'Ain Shams, Universiti Cairo. Ini membuktikan kesungguhan beliau dalam mencari ilmu ketika hayat mudanya.

Setelah itu Haron Din menyambung semula pengajian dalam bidang doktor falsafah. Beliau kembali ke Mesir pada tahun 1972 untuk tujuan pengajian di Universiti Dar al-'Ulum, Kaherah. Pada tahun 1974, beliau berjaya memperolehi Ph.D dengan kejayaan cemerlang setelah tiga tahun berada di perantauan. Dikatakan sepanjang tempoh pengajian di Mesir, Haron Din telah menghafaz 30 juz al-Quran.

---

<sup>3</sup> Bernama (2016, September 16). Haron Wanted to be buried in United States: Pas Leader. *The Sun*, diperolehi daripada <https://www.thesundaily.my/archive/1973271-HSARCH395137>.

<sup>4</sup> *Op. cit.* (2017).

Semasa berada di Mesir, Haron Din melazimi pengajian dengan alim ulama. Antara yang rapat ialah Syeikh Muhammad al-Bayumi, seorang ulama yang mengajar di Masjid al-Azhar. Haron Din juga mendampingi Syeikh Muhammad Idris al-Marbawi seorang ulama tanah air yang terkenal dengan pelbagai hasil penulisan kitab seperti *Bahr al-Madhi* dan *Qamus al-Marbawi*. Di samping melanjutkan pengajian di peringkat doktor falsafah, Haron Din menekuni ilmu perubatan Islam menerusi pengajian bersama Dr. Kamal dan Bapak Mokhtar Lintang iaitu seorang warganegara Indonesia.

Pengajian ilmu Haron Din dapat diklasifikasikan dalam dua bahagian. Pertama pengajian rasmi iaitu pengajian Syariah. Kedua ialah pengajian tidak rasmi dalam bidang Perubatan Islam. Banyak catatan tentang pengalaman beliau berguru dalam bidang perubatan Islam. Antaranya beliau pernah berguru dengan seorang lelaki yang dikenali sebagai Pak Leh dari Langkawi. Beliau telah mengajar beberapa kaedah rawatan seperti rawatan penyakit barah, ketumbuhan, kayap, demam panas dan penyakit kulit.

Haron Din juga berguru dengan seorang perawat bernama Tok Omar yang mahir memanfaatkan tumbuh-tumbuhan sebagai bahan rawatan serta beramal dengan bacaan ayat al-Quran. Haron Din juga berguru dengan Tahir Abdullah yang mahir merawat sakit mata. Guru-guru lain yang pernah mengajar beliau ialah Pak Andak Noh dan Haji Husin atau dikenali sebagai Tuk Chin. Pak Andak Noh telah menurunkan ilmu mengeluarkan benda tajam dari badan manusia seperti besi, serpihan kaca dan terkena racun. Dalam ilmu kerohanian, Haron Din sering mempelajari daripada Tuk Chin. Guru-guru beliau ini terdiri daripada individu yang menetap di Perlis.<sup>5</sup>

### 3. PERANAN DAN REPUTASI SELAKU ILMUAN

Setelah tamat pengajian sarjana di Mesir, Haron Din kembali ke tanah air dan bertugas sebagai guru agama di Sekolah Abdullah Munshi, Penang di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia. Pada saat ini beliau mula aktif menyampaikan dakwah kepada masyarakat. Beliau menyampaikan ceramah, pengajian agama dan takziah termasuk pengajian khas bersama warga guru sekolah. Pada masa yang sama juga, Haron Din juga bertugas sebagai pensyarah sambilan untuk kursus pendidikan guru agama di Maktab Perguruan Teknik, Pulau Pinang. Kemudiannya beliau ditawarkan menjadi pensyarah Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaya (sekarang dikenali sebagai Universiti Kebangsaan Malaysia). Selepas tamat pengajian doktor falsafah, beliau kembali berkhidmat di UKM dan pernah menjawat jawatan Dekan Fakulti Pengajian Islam.<sup>6</sup> Pada tahun 1986, Haron Din memperolehi pangkat profesor di atas kecermerlangan akademiknya.

---

<sup>5</sup> Najmi Aiman bin Idris (2011). *Pemikiran Politik Dato' Dr. Haron Din* (Tesis sarjana, Fakultas Syariah dan Hukum, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta, 16-17). Diperolehi daripada <https://123dok.com/document/dzx9gpoz-pemikiran-politik-dato-dr-haron-din.html>

<sup>6</sup> Haron Din, Dato' Dr. (2016, September 6). *Tuan Guru Dato' Dr. Haron Din*. Yadim Online. <http://www.yadim.com.my/v2/tuan-guru-dato-dr-haron-din/>. Diperolehi pada 3 April 2020.

Haron Din memainkan peranan yang penting dalam bidang konsultasi perbankan dan fatwa. Beliau pernah menyandang tugas sebagai ahli Majlis Syariah Bank Negara Malaysia, ahli Majlis Penasihat Syariah Bank CIMB, Pengerusi Majlis Penasihat Syariah Bank RHB, Timbalan Pengerusi Majlis Penasihat Syariah Public Bank Bhd., Ahli Majlis Penasihat Syariah Muamalah Financial Consulting, ahli Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti, ahli Majlis Fatwa Perlis dan ahli Majlis Fatwa Selangor.

Keilmuan beliau juga dimanfaatkan dalam bidang politik. Haron Din aktif bersama Parti Islam Se-Malaysia (PAS). Beliau pernah menjawat ahli jawatankuasa kerja PAS, Ketua Penerangan PAS Pusat, ahli Majlis Syura Ulama PAS dan memegang jawatan penasihat utama iaitu *Mursyidul 'Am* PAS dari tahun 2015 hingga 2016. Di samping aktiviti politik, beliau juga berperanan dalam lapangan dakwah di peringkat lantikan kerajaan. Beliau dilantik sebagai Ketua Kluster Dakwah, Majlis Perundingan Islam Kebangsaan. Organisasi tersebut terdiri daripada para ulama, pemikir dan aktivis kebajikan tanah air. Mereka berperanan sebagai penasihat dan penyalur idea pentadbiran Islam kepada pihak kerajaan.

Atas sumbangan besar yang dicurahkan, Dato' Dr. Haron Din telah menerima pengiktirafan seperti berikut:

- i. Tokoh Maal Hijrah 1432H Selangor pada tahun 2010: Anugerah ini telah disempurnakan oleh Tengku Panglima Di-Raja Selangor, Tengku Sulaiman Shah al-Haj bagi mewakili Sultan Selangor.
- ii. Darjah Kebesaran Datuk Paduka Mahkota Selangor (DPMS) dan Tokoh Maal Hijrah Khas pada tahun 2016: Sultan Selangor DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan menganugerahkan pingat DPMS tersebut kepada Najmi bin Dato' Dr. Haron Din selaku wakil lantaran beliau telah meninggal dunia di Amerika Syarikat.<sup>7</sup> Dalam majlis yang lain, anugerah Tokoh Maal hijrah Khas disampaikan kepada wakil anakandanya yang bernama Huda bin Dato' Dr. Haron Din.

#### **4. SUMBANGAN TERHADAP PENGHAYATAN AL-QURAN**

Haron Din adalah tokoh yang memegang prinsip bahawa al-Quran adalah pegangan yang wajib dihayati setiap individu Muslim. Beliau sentiasa berucap tentang al-Quran dan menjalankan program tertentu untuk mendekatkan masyarakat terhadap al-Quran. Sumbangannya dapat dianalisis seperti berikut:

##### **4.1 Menyampaikan Seruan Agar mengamalkan Kandungan al-Quran**

---

<sup>7</sup> Haron Din, Dato' Dr. (2016, Disember 11). *Keluarga Allahyarham Dato' Dr Haron Din Rakam Penghargaan Atas Kurniaan Pingat*. Selangor Kini. <https://selangorkini.my/2016/12/keluarga-allahyarham-dato-dr-haron-din-rakam-penghargaan-atas-kurniaan-pingat/>. Diperolehi pada 3 April 2020.

Penulis mendapati Haron Din lebih cenderung menyeru dengan ayat-ayat al-Quran berbanding *matan* hadith. Meskipun hadith adalah sebahagian daripada sumber Islam<sup>8</sup> namun pendekatan Haron Din ini bersempena dengan kedudukan al-Quran yang menjadi sumber teratas yang disepakati para ulama.<sup>9</sup> Faktor masyarakat menjadi sebahagian daripada faktor pendekatan Haron Din. Beliau mahukan masyarakat lebih mengenali al-Quran yang sedia berada di sisi mereka.

Haron Din tidak lekang mendatangkan dalil al-Quran dalam seruannya. Ini dapat diamati dalam siri-siri ucapannya. Dalam ucapan Kuliah Dhuha pada bulan Mac 2016, tahun berlaku kematian beliau, beliau menyatakan:<sup>10</sup>

*Atas itulah elok benar kita berfikir dan mengambil tahu tentang liku-liku kehidupan yang akan kita tempoh ini. Tujuaannya untuk membuat persediaan. Sebab itu dikatakan dalam Surah al-Mulk (maksudnya) Dialah Allah telah yang menciptakan kehidupan dan kematian. Tak siapa boleh campur hal Allah s.w.t. Sampai ajal mesti mati. Diciptakan (juga) kehidupan selepas mati.*

Pada bulan Ramadan, Jun 2016, beliau mendatangkan dalil dalam ucapan berikut:<sup>11</sup>

*Pada bulan tidak Ramadan, al-Quran amat jelas (menyebut asas ganjaran pahala):*

مَنْ جَاءَ بِالْحَسَنَةِ فَلَهُ عَشْرُ أَمْثَالِهَا وَمَنْ جَاءَ بِالسَّيِّئَةِ فَلَا يُجْزَى إِلَّا مِثْلَهَا وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ<sup>12</sup>

*Sesiapa yang melakukan suatu kebaikan, hasanah, apa sahaja namanya hasan (iaitu) yang syarak kata cantik, syarak kata elok, syarak suruh buat buat sahaja ia hasanah hatta bagi salam pun hasanah, nasihat pun hasanah, senyum pada kawan pun hasanah, Allah sediakan untuk orang itu sepuluh kali ganda kebajikan (iaitu) bukan Ramadan. Rahimnya Allah buat kebaikan, dibagi sepuluh itu minimum. Naik kepada tujuh ratus sampai habis. (Firman Allah):*

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلٍ فِي كُلِّ سُنْبُلَةٍ مِائَةٌ حَبَّةٌ  
وَاللَّهُ يُضْعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ<sup>13</sup>

*Bandingan orang-orang yang menginfakkan hartanya di jalan Allah s.w.t., Allah bandingkan dengan seperti sebiji benih. Infaq satu, satu sen, satu ringgit, satu*

<sup>8</sup> Abd al-Karim Zaidan, Dr. (1996). *al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. Beirut: Muassasah al-Risalah, 147

<sup>9</sup> Abd. Latif Muda dan Rosmawati (1997). *Pengantar Usul Fiqh*. Kuala Lumpur: Ilham Abati Enterprise, 62

<sup>10</sup> Haron Din, Dato' Dr. (2015, Mei 3). *Kuliah Dhuha Dato' Dr. Haron Din* (Multimedia Masjid al-Falah). Youtube. Diperolehi pada April 4, 2020, daripada <https://www.youtube.com/watch?v=2bS8LBvGhbw>

<sup>11</sup> Haron Din, Dato' Dr. (2016, Jun 5). *Tazkirah Ramadhan oleh Tuan Guru Dato' Dr. Haron Din* (DS Channel). Youtube. Diperolehi pada 4 April 2020. <https://www.youtube.com/watch?v=szdcHzw2Qos>

<sup>12</sup> Surah al-An'am, ayat 160.

<sup>13</sup> Surah al-Baqarah, ayat 261.

*ribu, satu juta; itu benih atau habbah. Benih itu akan menumbuhkan tujuh tangkai. Sumbulah tangkai macam padi ada tangkai, gandum ada tangkai. Satu tangkai itu ada biji-biji buah. Satu kebajikan, satu sedekah, satu (perkara baik) macam menanam satu benih yang akan menumbuhkan tujuh dahan, satu dahan membuah seratus buah. Tujuh dahan Allah tambah tujuh ratus kali ganda.*

Dalam ucapan yang lebih khusus tentang penghayatan al-Quran, Haron Din menyentuh al-Quran sebagai bahan petunjuk hidayah. Kenyataan beliau seperti di bawah:

*Ampun dosa, habis dosa itulah suatu matlamat yang patut kita tuju. Dosa sudah tidak ada, kebaikan yang ada, kita berada itulah matlamat tidak ada dan inilah kita berada hidayatul Allah (iaitu) petunjuk Allah. Dan inilah dalam sebuah al-Quran ada 114 surah, ada 6236 ayat bukan 6666 (ayat) itu orang saja buat bagi senang ingat dan sebenarnya 6236 ayat. Ada berapa huruf dalam al-Quran? Juga awal al-Quran bismillah al-Rahman al-Rahim hingga jinnati wa al-nas ada berapa huruf? Jika alif lam mim itu tiga. (Huruf) nun itu satu. Kesemua al-Quran jika dibilang ada sebanyak 347,460 huruf. Dalam kesemua ini wahyu yang sempurna ini, hati al-Qurannya ada pada (Surah) Yasin dan ibu pada al-Quran itu ada pada (Surah) al-Fatihah. Ibu ialah punca segala-galanya. Dari Fatihahlah datangnya (isi selanjutnya) al-Quran.<sup>14</sup>*

Seterusnya beliau mengingatkan hadirin agar tidak ragu dengan al-Quran:

*Kalau lain pada itu (tidak berada di jalan yang lurus) tak yakin dengan al-Quran, ragu dengan al-Quran, ragu dengan Islam sama ada boleh menjadi penyelesaian ummah, kamu ragu sahaja berada di jalan yang sesat.<sup>15</sup>*

#### 4.2 Menghasilkan Bahan Ilmiah Untuk Rujukan Masyarakat

Sebagai ahli akademik, Haron Din telah menghasilkan pelbagai karya ilmiah. Antara karya beliau yang memuatkan perbincangan mengenai al-Quran ialah seperti *Rawatan Gangguan Makhhluk Halus Menurut al-Quran dan As-Sunnah* (1987), *Rawatan Pesakit Menurut al-Quran dan as-Sunnah* (1987), *Fadilat Ayat Kursi Untuk Mengatasi Sihir* (1995), *Metodologi Zikir* (1988), *Manusia dan Islam* (1990), *Himpunan Doa-Doa Pilihan Dari al-Quran dan Hadis Serta Terjemahannya* (1994), *Ikhtiar Penyembuhan Penyakit dengan Ayat-Ayat dan Doa-Doa Mustajab* (2011) dan geran penyelidikan UKM bertajuk *Kehilangan Beberapa Ayat al-Quran Dari Mushaf: Apakah hakikat dan hikmatnya*.

Buku *Manusia dan Islam* merupakan buku yang paling berpengaruh. Ia mula diterbitkan Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1990 serta tahun 1991 hingga 1993 untuk edisi

<sup>14</sup> Haron Din, Dato' Dr. (2014, Februari 19). *Ceramah Khas Tuan Guru Dato' Dr. Haron Din al-Hafiz* (Masjid Sembilang Channel). Youtube. Diperolehi pada 5 April 2020. <https://www.youtube.com/watch?v=S0HNVjS95wQ>

<sup>15</sup> *Ibid.*

seterusnya. Edisi penuh telah diterbitkan Hizbi Marketing pada tahun 1999 dan PTS Millennia Sdn. Bhd. pada tahun 2015. Buku ini menghimpunan penulisan ilmiah Haron Din bersama para pensyarah UKM. Perbincangan khas tentang kandungan al-Quran disentuh pada bab *al-Quran ialah Kebenaran Yang Dicari Manusia, Pandangan al-Quran Terhadap al-Taurat dan al-Injil, Hakikat Roh Dalam al-Quran, Orang Yang Disuruh al-Quran Untuk Melakukan Ihsan, al-Quran dan Akhlak, al-Quran dan al-Sunnah, Penggunaan Dalam al-Quran dan al-Quran dan Hadith Menjelaskan Asal Manusia*. Dalam setiap bab, dalil-dalil al-Quran banyak diletakkan dan begitu ketara berbanding dalil hadith.

Kebanyak siri penerbitan tulisan Haron Din adalah berkisar perubahan Islam berbanding tema mendalam dalam bidang syariah. Beliau ada menghasilkan karya ilmu fiqh secara khusus seperti *Dato' Dr. Haron Din Menjawab Persoalan Fikah Harian* (2007) dan *Islam: Ibadah Pembina Tamadun Manusia* (2007) tetapi hasil penulisan dalam bidang perubahan Islam lebih banyak diterbitkan di persada tanah air. Karya-karya mengenai perubahan Islam akan dihubungkan dengan konsep al-Quran dan al-Sunnah. Haron Din berprinsip pengubatan Islam mengikut *al-Tibb Nabawi* iaitu rawatan berasaskan doa mengikut keadaan jenis penyakit dan kaedah perlaksanaannya berteraskan al-Quran dan hadith serta amalan-amalan *al-Salaf al-Soleh*.<sup>16</sup>

Tulisan Haron Din membuktikan dasar perubahan yang dipegangnya. Buku-buku beliau diterbitkan untuk bacaan masyarakat supaya mereka menyedari bahawa al-Quran adalah sumber kepada *syifa'* (kesembuhan). Beliau mengingatkan al-Quran adalah penunjuk jalan dalam perawatan jasmani dan rohani. Dalam sebarang perawatan jasmani, perlu difahami bahawa segala jenis usaha merawat adalah ikhtiar manakala pemegang urusan menyembuhkan adalah Allah s.w.t.

### 4.3 Mengagaskan Perubahan Berasaskan Wahyu

Haron Din telah menubuhkan pusat rawatan Islam berasaskan al-Quran dan al-Sunnah iaitu Darussyifa'. Menurut Khadher Ahmad (2010), pusat rawatan Islam dapat ditakrifkan sebagai tempat yang menjalankan kegiatan rawatan atau menyediakan perkhidmatan rawatan penyakit serta menjadi tumpuan orang ramai. Perkhidmatan yang dijalankan berlandaskan lunas-lunas Islam.<sup>17</sup>

Masyarakat berpeluang mencari alternatif rawatan berasaskan al-Quran di Darussyifa' apabila mereka menghadapi masalah penyakit, gangguan makhluk halus atau ingin mencari tarbiah pemantapan rohani. Dengan penubuhan Darussyifa', Haron Din menjadi perintis perubahan Islam di Malaysia.<sup>18</sup> Pendekatan dalam rawatan ialah mengabungkan ikhtiar rawatan

<sup>16</sup> Nik Asilah Bt. Nik Ali *et. al.* (2011). *Terapi Ruqyah Syar'iyah Dalam Modifikasi Tingkah Laku Murid Hiperaktif: Satu Perbincangan*. Universiti Malaya: kertas kajian penyelidikan Fakulti Pendidikan, 4

<sup>17</sup> Khadher Ahmad (2010). *Analisis Hadith-Hadith Mengenai Rawatan Sihir Dalam al-Kutub al-Sittah: Aplikasi Kaedah Rawatan Islam di Pusat Rawatan Islam di Malaysia*. Tesis Ph.D. Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya, 27

<sup>18</sup> Khadher Ahmad dan Mohd Farhan Md. Ariffin (2013). *Pengubatan Alternatif berteraskan Islam: Analisis perkembangan dan Hala Tujunya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jurnal Institut Islam Malaysia (ILIM), 6, 73

secara tradisional dengan kombinasi kaedah rawatan berpandukan nas agama terutama daripada al-Quran. Di samping itu, Haron Din menerapkan kaedah perubatan tradisional berdasarkan ilmu yang dipelajari daripada guru-gurunya yang soleh. Petua-petua mempratikkan bahan semula jadi dan menghindari sebarang kaedah khurafat seperti bahan pujaan atau jampi serapah yang menyimpang.

Perkhidmatan rawatan Darussyifa' adalah secara percuma. Haron Din kerap mengingatkan para perawat berikhtiar bagi meringankan beban kesakitan yang ditanggung pesakit, beretika, memupuk ikhlas, khidmat tanpa jemu dan tanpa mengharapkan apa-apa balasan.<sup>19</sup> Persatuan ini mula ditubuhkan pada 17 April 1988 hasil daripada mesyuarat khas Haron Din bersama Datuk Abdul Rashid bin Mahmud, Hj. Abdul Rahman bin Hj. Ahmad, En. Ahmad bin Mohd Yusof dan beberapa orang rakan. Setelah gigih berusaha hampir tiga tahun, akhirnya pada tanggal 1 Ramadan 1411H bersamaan 2 Februari 1990 bangunan Darussyifa' berjaya dibangunkan. Pusat rawatan ini terletak di sebelah kediaman Haron Din.<sup>20</sup>

Dalam kaedah merawat, Haron Din memperkenalkan 10 ayat bacaan asas untuk munajat dan persediaan rawatan. Bentuk bacaan merangkumi *Surah al-Fatihah*, *Ayat Kursi*, lafaz *Ya Bari'*, bacaan ayat pertama *Surah Maryam* dan ayat 1 dan 2 *Surah al-Shu'ara'*, *Selawat Shifa'*, *Selawat Tafrijiyyah*, ayat 21 hingga 24 *Surah al-Hashr*, doa menghindari syaitan, lafaz salam ke atas Nabi Sulaiman a.s. dan Doa Nabi Sulaiman a.s. Para perawat Darussyifa' diwajibkan menghafaz 10 ayat bacaan asas ini. Kini Darussyifa' memiliki 90 cawangan di seluruh negara.<sup>21</sup>

Dengan penyusunan *manhaj* ini, penerapan al-Quran menjadi asas utama dalam amalan para perawat. Bacaan al-Quran tidak luput sebagai wirid rutin dan lantunan rawatan kepada para pesakit. Para pesakit dapat menyedari bahawa kaedah perawatan benar-benar menggunakan ayat-ayat al-Quran sebagai wadah munajat kepada Allah s.w.t.

#### 4.4 Berkhidmat Dalam Gerakan Islam dan Kepentingan Negara

Gerakan Islam merupakan istilah yang merujuk kepada kumpulan pergerakan yang mempunyai kesedaran Islam yang menyeluruh dari sesebuah negara Islam. Pergerakan ini memikul tanggungjawab menyeru masyarakat kepada sistem Islam. Gerakan Islam juga bermatlamatkan mengembalikan sesuatu pemerintahan ke arah pemerintahan berpandukan al-Quran.<sup>22</sup> Haron Din terlibat aktif bersama Parti Islam Se-Malaysia (PAS) yang merupakan sebahagian gerakan Islam di Malaysia. Haron Din mula aktif pada tahun 1975 apabila beliau menjadi Ahli Jawatankuasa Kerja PAS Pusat. Beliau pernah menjadi Ketua Penerangan PAS Pusat dan Timbalan *Mursyidul*

<sup>19</sup> Mohd Zainuddin Yusoff (1992). *Amalan Perubatan Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Darussyifa': Satu Penilaian Hukum* (Disertasi sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 27), diperolehi daripada <http://studentsrepo.um.edu.my/5031/>

<sup>20</sup> Amran Kasimin (1991). *Darussyifa'*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan, 11-21

<sup>21</sup> Haron Din, Dato' Dr. (2016, Januari 29). *Lokasi Pusat Rawatan*. Darussyifa. <https://www.darussyifa.org/?p=355>. Diperolehi pada 6 April 2020.

<sup>22</sup> Yusuf al-Qaradhawi, Dr. (1983). *Harakah Islamiyyah: Satu Tuntutan*. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar, 19

'Am. Beliau memegang jawatan *Mursyidul 'Am* menggantikan al-Marhum Dato' Tuan Guru Nik Aziz Nik Mat pada 9 Mac 2015.<sup>23</sup>

Hasil daripada pengamatan penulis, Haron Din adalah tokoh PAS yang konsisten menampilkan ayat al-Quran dalam ceramah, majlis rasmi dan muktamar PAS. Lazimnya beliau akan menyelitkan lebih tiga ayat al-Quran dalam sesi ceramah.<sup>24</sup> Menurut temu bual umum penulis dengan beberapa hadirin, mereka menyatakan daya tarikan Haron Din ialah penampilan ayat-ayat al-Quran. Bacaannya jelas dan terjemahan ayat mudah difahami. Haron Din gemar menyebut nama surah dan mengaitkan dengan fakta yang ingin disampaikan. Namun kupasan isu politik agak kurang menyerlah. Beliau tidak membahaskan isu politik kerana lebih kepada menyebut resolusi isu politik berdasarkan al-Quran. Individu lawan politik dan skandal mereka tidak diungkap secara langsung dalam ucapan.

Atas pendekatan ini, Haron Din dsegani pihak lawannya. Beliau pernah dijemput Tan Sri Dato' Hj. Muhammad Bin Haji Muhammad Taib untuk berkuliah tetap di kediaman Rasmi Menteri Besar Selangor pada tahun 1988. Ucapannya dapat diterima meskipun beliau mempunyai pendirian politik yang berbeza dengan kerajaan negeri yang dikuasai Barisan Nasional ketika itu.<sup>25</sup> Tidak hairan juga Haron Din dilantik jawatan penting oleh kerajaan seperti ahli Majlis Syariah Bank Negara Malaysia dan Ketua Kluster Dakwah, Majlis Perundingan Islam Kebangsaan.

Menerusi jawatan ini, Haron Din berpeluang menyumbang ilmu dan buah fikiran berasaskan al-Quran untuk kepentingan negara. Idealisme beliau sering menekankan al-Quran sebagai rujukan dalam pentadbiran dan perundangan terutama isu syariah seperti hudud.<sup>26</sup> Menerusi pelantikan jawatan ini juga, Haron Din dilihat sebagai seorang tokoh pejuang risalah al-Quran yang mendapat tempat di pihak kerajaan biarpun mempunyai sisi politik yang berbeza.

Sumbangan besar Haron Din dalam wacana gerakan Islam ialah mewujudkan Dokumen Negara Islam yang dilancarkan pada 12 November 2013. Dokumen ini berasal daripada risalah

<sup>23</sup>Nizam Bakeri (2016, September 16). *Siapa Dr. Haron Din Yang Kita Kenali*. Astro Awani. <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/siapa-dr-haron-din-yang-kita-kenali-116904>. Diperolehi pada 8 April 2020.

<sup>24</sup>Lihat siri ceramah dan kuliah dalam media sosial seperti *Youtube*. Haron Din sering mengutamakan nas al-Quran dalam siri ucapannya. Antara contoh ceramah ialah Haron Din, Dato' Dr. (2014, November 15). *Manusia Makhhluk Paling Mulia* (Jazimin Channel). Youtube. Diperolehi pada 5 November 2020. <https://www.youtube.com/watch?v=3aKVQEw0TRg>. Haron Din, Dato' Dr. (2015, April 3). *Hukum Meninggalkan solat* (Surau al-Sobah Channel). Youtube. Diperolehi pada 4 November 2020. <https://www.youtube.com/watch?v=s60oFmDKCTY>. Haron Din, Dato' Dr. (2013, Februari 16). *Ceramah PGU 7.0* (Terengganukini). Youtube. Diperolehi pada 5 November 2020. <https://www.youtube.com/watch?v=BV9ea6W4ce0>

<sup>25</sup>Zainal Abidin Sakom (1996). *Jejak Pejuang*. Selangor: NADA, Suara UMNO Selangor, 326.

<sup>26</sup>Najmi Aiman bin Idris (2011). *Pemikiran Politik Dato' Dr. Haron Din* (Tesis sarjana, Fakultas Syariah dan Hukum, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta, 41). Diperolehi daripada <https://123dok.com/document/dzx9gpoz-pemikiran-politik-dato-dr-haron-din.html>

Negara Islam yang diusahakan beliau dan Presiden PAS pada tahun 2003.<sup>27</sup> Dokumen yang terdiri daripada 53 halaman ini mengandungi huraian konsep Negara Islam.<sup>28</sup> Sepuluh halaman terawal dimuatkan ayat-ayat al-Quran tentang konsep kenegaraan berlandaskan teras wahyu. Natijahnya para penatap dokumen menyedari bahawa konsep Negara Islam yang cuba diketengahkan PAS tidak lari daripada seruan nas al-Quran.

Haron Din juga membantu menyemak sebuah buku penting Dato' Seri Tuan Guru Hj. Abdul Hadi Awang bertajuk "*Hadharah Islamiyyah: Bukan Islam Hadhari*". Buku ini merupakan memuatkan hujah ilmiah untuk mengkritik konsep kerajaan "*Islam Hadhari*" yang digagaskan pada tahun 2009 oleh Perdana Menteri kelima, YAB Tun Abdullah Hj. Ahmad Badawi. Semakan banyak tertumpu kepada peletakan nas dan tafsiran al-Quran. Buku ini jelas mengkritik penggunaan istilah konsep tersebut yang dinilai boleh menimbulkan persepsi bahawa Islam perlu dijenamakan semula lantaran mempunyai unsur kurang progresif. Haron Din menegaskan konsep tamadun yang mengikuti Islam yang wajar diketengahkan iaitu *hadharah al-Islamiyyah*. Ini mudah difahami berdasarkan beberapa petunjuk daripada al-Quran.<sup>29</sup> Hasil daripada semakan dan gabungan idealisme Haron Din dan Abdul Hadi Awang, buku tersebut menjadi pencabar ilmiah terhadap gagasan Islam Hadhari. Abdul Hadi Awang berlandaskan kupasan ayat al-Quran, hadith dan pandangan sarjana Islam muktabar.

## 5. PENUTUP

Haron Din merupakan tokoh ulama yang mempunyai latarbelakang pengajian ilmu yang kukuh dan rekod sumbangan yang tinggi terhadap agama, masyarakat dan negara. Beliau telah menyumbang jasa menerusi aktiviti penyampaian ilmu, penubuhan Darussyifa', ketokohan sebagai pimpinan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dan khidmat di peringkat negara.

Penulis mendapati Haron Din sentiasa mendatangkan dalil daripada nas al-Quran dalam siri ucapan bertujuan untuk memberi mesej kewajipan menghayati al-Quran. Begitu juga dalam karya-karya yang dihasilkan seperti *Manusia dan Islam, Rawatan Pesakit Menurut al-Quran* dan *as-Sunnah* dan *Islam: Ibadah Pembina Tamadun Manusia*. Tulisan beliau sentiasa dipenuhi keterangan dalil al-Quran disamping sumber rujukan ilmu yang lain.

Selain daripada khidmat sebagai pensyarah Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia dan pimpinan tertinggi PAS, Haron Din berperanan menerapkan penghayatan al-Quran menerusi penubuhan Darussyifa'. Institusi ini menjadi perintis pusat rawatan Islam berteraskan al-Quran di Malaysia. Masyarakat amat terkesan dengan penubuhan ini dalam mencari rawatan alternatif. Cawangan Darussyifa' telah berkembang di seluruh negara dan berjaya melahirkan

<sup>27</sup> Mohd Syakir bin Mohd Rosdi (2011). *Transisi Politik Dari Negara Islam Kepada Negara Berkebijakan Parti Islam Semalaysia: Cabaran dan Matlamat*. Kertas kerja seminar. Universiti Sains Malaysia: The 6th ISDEV International Graduate Workshop (INGRAW 2011) pada 11-12 Oktober 2011, 7.

<sup>28</sup> Mohd Fadli Ghani (2017). *Ensiklopedia Harian PAS Tata Negara Islam: Karya Pertama Pemimpin PAS Tentang Negara Islam*, Diperoleh pada 8 April 2020.

<sup>29</sup> Abdul Hadi Awang (2005). *Hadharah Islamiyyah Bukan Islam Hadhari*. Kuala Lumpur: Nuffair Street Sdn Bhd., 12.

lebih seribu orang perawat yang ditarbiah di bawah *manhaj* perubatan Islam beliau. Wacana lain yang menyebabkan Haron Din sentiasa dekat di persada masyarakat ialah penglibatan beliau dalam PAS sehinggalah beliau meninggal dunia pada tahun 2016 dalam usia 75 tahun. Beliau kini dikenang sebagai tokoh besar yang sentiasa segar dengan risalah al-Quran dan perjuangan syariah tanah air.

### RUJUKAN (REFERENCES)

- [1] Al-Qur'an al-Karim
- [2] 'Abd al-Karim Zaidan, Dr. (1996). *al-Wajiz fi usul al-fiqh*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- [3] Abd. Latif Muda dan Rosmawati (1997). *Pengantar usul fiqh*. Kuala Lumpur: Ilham Abati Enterprise.
- [4] Abdul Hadi Awang (2005). *Hadharah Islamiyyah bukan Islam Hadhari*. Kuala Lumpur: Nuffair Street Sdn Bhd.
- [5] Amran Kasimin, Dr. (1991). *Darussyifa'*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan.
- [6] Bernama. (2016, September 16). Haron Wanted to be buried in United States: Pas leader. *The Sun*. Diperolehi daripada <https://www.thesundaily.my/archive/1973271-HSARCH395137>.
- [7] Haron Din, Dato' Dr. (2007). *Islam: Ibadah pembina tamadun manusia*. Selangor: PTS Sdn. Bhd.
- [8] Haron Din, Dato' Dr. (2013, Februari 16). *Ceramah PGU 7.0 (Terengganukini)*. Youtube. Diperolehi pada 5 November 2020. <https://www.youtube.com/watch?v=BV9ea6W4ce0>
- [9] Haron Din, Dato' Dr. (2014, Februari 19). *Ceramah khas Tuan Guru Dato' Dr. haron Din al-Hafiz* (Masjid Sembilang Channel). Youtube. Diperolehi pada 5 April 2020. <https://www.youtube.com/watch?v=S0HMVjS95wQ>
- [10] Haron Din, Dato' Dr. (2014, November 15). *Manusia makhluk paling mulia* (Jazimin Channel). Youtube. Diperolehi pada 5 November 2020. <https://www.youtube.com/watch?v=3aKVQEw0TRg>.
- [11] Haron Din, Dato' Dr. (2015, April 3). *Hukum meninggalkan solat* (Surau al-Sobah Channel). Youtube. Diperolehi pada 4 November 2020. <https://www.youtube.com/watch?v=s60oFmDKCTY>.
- [12] Haron Din, Dato' Dr. (2015, Mei 3). *Kuliah dhuha Dato' Dr. Haron Din* (Multimedia Masjid al-Falah). Youtube. Diperolehi pada April 4, 2020. <https://www.youtube.com/watch?v=2bS8LBvGhbw>
- [13] Haron Din, Dato' Dr. (2016, Januari 29). *Lokasi Pusat Rawatan*. Darussyifa. <https://www.darussyifa.org/?p=355>. Diperolehi pada 6 April 2020.

- [14] Haron Din, Dato' Dr. (2016, Jun 5). *Tazkirah Ramadhan oleh Tuan Guru Dato' Dr. Haron Din* (DS Channel). Youtube. Diperoleh pada 4 April 2020. <https://www.youtube.com/watch?v=szdcHwz2Qos>
- [15] Haron Din, Dato' Dr. (2016, September 6). *Tuan Guru Dato' Dr. Haron Din*. Yadim Online. <http://www.yadim.com.my/v2/tuan-guru-dato-dr-haron-din/>. Diperolehi pada 3 April 2020.
- [16] Haron Din, Dato' Dr. (2016, Disember 11). *Keluarga Allahyarham Dato' Dr Haron Din rakam penghargaan atas kurniaan pingat*. Selangor Kini. <https://selangorkini.my/2016/12/keluarga-allahyarham-dato-dr-haron-din-rakam-penghargaan-atas-kurniaan-pingat/>. Diperolehi pada 3 April 2020.
- [17] Haron Din, Dato' Dr. (2017, Jun 12). *Biodata Tuan Guru Dato' Dr. Haron Din*. Darussyifa. <https://www.darussyifa.org/?p=355>. Diperolehi pada 3 April 2020.
- [18] Haron Din, Prof. Dr. (1987). *Ikhtiar penyembuhan penyakit dengan ayat-ayat dan doa-doa mustajab*. Bangi: Darussyifa'.
- [19] Haron Din, Prof. Dr. (1988). *Metodologi zikir*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan.
- [20] Haron Din, Prof. Dr., et.al. (1990). *Manusia dan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [21] Haron Din, Prof. Dr., et.al. (2015). *Manusia dan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. PTS Millennia Sdn. Bhd.
- [22] Haron Din, Prof. Dr. dan Amran Kasimin, Dr. (1987). *Rawatan gangguan makhluk halus menurut al-Quran dan as-Sunnah*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan.
- [23] Haron Din, Prof. Dr. dan Amran Kasimin, Dr. (1987). *Rawatan pesakit menurut al-Quran dan as-Sunnah*. (1987). Kuala Lumpur: Percetakan Watan.
- [24] Haron Din, Prof. Dr. dan Amran Kasimin, Dr. (1995). *Fadilat Ayat Kursi untuk mengatasi sihir*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan.
- [25] Haron Din dan Ishak Din (1994). *Himpunan doa-doa pilihan dari al-Quran dan Hadis serta terjemahannya*. (1994). Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- [26] Haron Din, Dato' Dr., Ishak Din dan Abu Hasan Din (2007). *Dato' Dr. Haron Din menjawab persoalan fikah harian* (2007). Selangor: PTS Sdn. Bhd.
- [27] Khadher Ahmad (2010). *Analisis hadith-hadith mengenai rawatan sihir dalam al-Kutub al-Sittah: aplikasi kaedah rawatan Islam di pusat rawatan Islam di Malaysia*. Tesis Ph.D. Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- [28] Khadher Ahmad, Dr. dan Mohd Farhan Md. Ariffin (2013). *Pengubatan alternatif berteraskan Islam: analisis perkembangan dan hala tuju di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jurnal Institut Islam Malaysia (ILIM), 6.

- [29] Mohd Fadli Ghani (2017). *Ensiklopedia harian PAS tata Negara Islam: Karya pertama pemimpin PAS tentang Negara Islam*, Diperoleh pada 8 April 2020.
- [30] Mohd Syakir bin Mohd Rosdi (2011). *Transisi politik dari Negara Islam kepada negara berkeadilan Parti Islam Semalaysia: cabaran dan matlamat*. Kertas kerja seminar, Universiti Sains Malaysia: The 6th ISDEV International Graduate Workshop (INGRAW 2011) pada 11-12 Oktober 2011.
- [31] Mohd Zainuddin Yusoff (1992). *Amalan Perubatan Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Darussyifa': satu penilaian hukum*. Disertasi sarjana. Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul, Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya, 27. Diperolehi daripada <http://studentsrepo.um.edu.my/5031/>
- [32] Najmi Aiman bin Idris (2011). *Pemikiran politik Dato' Dr. Haron Din*. Tesis sarjana. Jakarta: Fakultas Syariah dan Hukum, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, 16-17. Diperolehi daripada <https://123dok.com/document/dzx9gpoz-pemikiran-politik-dato-dr-haron-din.html>
- [33] Nik Asilah Bt. Nik Ali *et. al.* (2011). *Terapi Ruqyah Syar'iyah Dalam Modifikasi Tingkah Laku Murid Hiperaktif: Satu Perbincangan*, Universiti Malaya: kertas kajian penyelidikan Fakulti Pendidikan
- [34] Nizam Bakeri (2016, September 16). *Siapa Dr. Haron Din yang kita kenali*. Astro Awani. <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/siapa-dr-haron-din-yang-kita-kenali-116904>. Diperolehi pada 8 April 2020.
- [35] Yusuf al-Qaradhawi, Dr. (1983). *Harakah Islamiyyah: satu tuntutan*. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.
- [36] Zainal Abidin Sakom (1996). *Jejak pejuang*. Selangor: NADA, Suara UMNO Selangor.